

AeU platform cemerlang lanjut PhD

» Pembelajaran separuh masa penuhi aspirasi Dr Azuddin

Bagi segelintir individu bekerja dalam tempoh yang lama apatah lagi mempunyai kerjaya terjamin, mereka mungkin kurang berminat untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Mungkin berpunca daripada keangan masa atau setidaknya kerana mitos usia. Namun hal itu langsung tidak memberi kesan kepada bekas pesara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang berkhidmat selama 31 tahun, Profesor Madya Lt Kol (B) Dr Azuddin Bahari.

Beliau yang terbiasa dengan disiplin ketenteraan tinggi, tidak rela mensia-siakan waktu persaraan tanpa sebarang aktiviti yang mampu mengekalkan kecerdasan mental dan fizikal beliau.

Berbekalkan ilmu diperoleh dari program Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA), Dr Azuddin memilih berkhidmat sebagai ahli

akademik di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Namun, segulung ijazah MBA belum dapat memuaskan hati beliau kerana yakin belum cukup menjadikan beliau seorang ahli akademik yang tulen. Memiliki Ijazah Kedoktoran (PhD) adalah matlamat beliau seterusnya.

Pembelajaran separuh masa

Bertitik tolak dari iltizam itu, beliau memulakan pencarian kepada sebuah universiti yang mampu memenuhi aspirasi beliau iaitu yang menyediakan kaedah pembelajaran separuh masa yang praktikal dan kondusif. Pencarian itu membawa beliau kepada AeU dan secara rasmi sudah memulakan pengajian peringkat PhD bersama AeU pada 20 September 2010.

"Kali pertama saya menghadiri kolokium di AeU, saya dipertemukan dengan Dekan Sekolah Pengurusan Siswazah (SGS), Prof Dr Siow Heng Loke. Daripada perwatakan beliau yang mesra dan mudah didampingi, saya berasakan kembara pengajian saya bakal menjadi lebih lancar dan sangkaan saya langsung tidak me-



Saya secara peribadi menyokong usaha mempromosikan pendidikan sepanjang hayat dan menjadikannya budaya di Malaysia"

Dr Azuddin Bahari,
Graduan PhD AeU

leset," ujar Dr Azuddin.

Sepanjang pengajian, beliau sentiasa berhubung dengan Prof Dr Siow yang turut membantu beliau mendapatkan khidmat penyelia berkredibiliti iaitu, Prof Datuk Dr Shattri Mansor dan Dr Hanum Hassan selaku penasihat.

Beliau yang menjalankan kajian mengenai pengurusan bencana turut berkongsi pengalaman menghadiri proses penilaian atau lebih dikenali *Viva Voce* pada 19 Januari lalu yang beliau sifatkan lebih memberi kesan gementar dari mana-mana latihan dan ujian ketenteraan yang pernah beliau lalui sebelum ini.

"Kerana prestij PhD, saya berasa sangat gugup apabila berhadapan dengan panel penilai ibarat berdiri di hadapan skuad penembak dan hanya menunggu mereka menarik picu masing-masing," katanya berseloroh.

Bagaimanapun, katanya, pada akhirnya sesi itu berjalan lancar dan mereka sangat profesional dalam mengendalikan *viva voce* yang berlangsung hampir 3 jam, malah, beliau menitis air mata kegembiraan sebaik dimaklumkan hasil kajian beliau diterima dan layak

dianugerahkan dengan PhD.

Sokongan diterima Dr Azuddin daripada pelbagai pihak terutama ahli keluarga, rakan, penyelia dan AeU membantu merealisasikan impian beliau menjadi seorang ahli akademik tulen. Dengan pengetahuan baharu yang diperoleh dari proses melengkapkan pengajian PhD dan bakal bakal dikongsi bersama pelajarannya.

Pendidikan sepanjang hayat

"Saya secara peribadi menyokong usaha mempromosikan pendidikan sepanjang hayat dan menjadikannya budaya di Malaysia. Saya juga turut mencadangkan kepada mereka yang berminat untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi untuk mempertimbangkan AeU sebagai universiti pilihan anda.

"AeU menawarkan suasana pengajian separuh masa yang sangat praktikal kepada kalangan dewasa dan bekerja seperti saya dan anda," kata Dr Azuddin yang secara rasmi menerima Ijazah Kedoktoran beliau pada 20 September lalu, iaitu pada tarikh sama beliau memulakan pengajian di AeU lima tahun.